

PERCERAIAN DALAM KALANGAN WANITA MELAYU TERENGGANU

Haryati Hasan
Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: haryatie@fsk.upsi.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini menganalisis isu tuntutan perceraian dalam kalangan wanita Melayu Terengganu. Penulisan dari perspektif sejarah sosial, memfokuskan tempoh masa 1963 sehingga 1978 berdasarkan laporan bertulis Pejabat Kadhi Besut yang diperolehi di Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu. Perbincangan artikel ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Pertama, mengenai latarbelakang seperti tempat asal, umur, tempoh masa ditinggalkan, status perkahwinan dan keluarga serta pekerjaan pasangan. Kedua, menjelaskan mengenai faktor yang menyebabkan wanita membuat aduan kepada pihak agama yang dicerakinkan kepada masalah pengabaian nafkah dan tanggungjawab, poligami dan menghilangkan diri untuk tempoh masa tertentu. Ketiga, mengupas kekangan yang dihadapi seperti pasangan sukar dikesan kerana telah berhijrah dari kawasan asal ke tempat baharu di luar Terengganu atau ke daerah lain di Terengganu serta perkahwinan dengan pasangan dari luar Terengganu. Dapatan kajian menunjukkan Pejabat Kadhi Besut berperanan penting dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan status wanita yang digantung tidak bertali. Kajian ini dijangka mampu mengisi ruang kosong dalam penulisan berkenaan sejarah sosial Malaysia amnya dan kajian gender khususnya pada pasca merdeka.

Kata kunci: Perceraian, Wanita, Melayu, Kadhi, Terengganu

PENGENALAN

Berdasarkan analisis terhadap laporan *Pejabat Kadhi Besut* dari 1963 sehingga 1978, artikel ini memperkatakan mengenai isu tuntutan perceraian dalam kalangan wanita Melayu Terengganu. Perbincangan memfokuskan kepada tiga perkara. Pertama, mengenai latarbelakang seperti tempat asal, umur, tempoh masa ditinggalkan, status perkahwinan dan keluarga serta pekerjaan pasangan. Kedua, menjelaskan mengenai faktor yang menyebabkan wanita membuat aduan kepada pihak agama yang dicerakinkan kepada masalah pengabaian nafkah dan tanggungjawab, poligami dan menghilangkan diri untuk tempoh masa tertentu. Ketiga, mengupas kekangan atau masalah yang dihadapi oleh pihak yang mendakwa (wanita) sehingga menyebabkan tuntutan perceraian gagal atau mengambil masa yang lama untuk mencapai penyelesaian.

Perceraian merupakan satu fenomena global yang berlaku dalam institusi perkahwinan di seluruh dunia. Statistik perceraian secara umumnya mencatatkan peningkatan kes perceraian setiap tahun di kebanyakan negara di dunia. (Noor Syaibah Shabuddin et.al. 2016)). Di Malaysia, menurut Jabatan Perangkaan perceraian masih berada pada paras yang membimbangkan. Purata kes perceraian yang direkodkan sepanjang tahun 2014-2017 adalah sebanyak 50,978 kes setahun bagi pasangan Islam. Pada tahun 2017, Selangor mencatat kes tertinggi dengan 12,204 kes, seterusnya Johor dengan 4,588 kes, Kelantan 3,652 kes dan Kedah 3,474 kes. Sementara itu, Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah telah mengeluarkan satu rekod yang menunjukkan bahawa purata perceraian bagi tahun 2018 adalah sebanyak 156 pasangan pada setiap hari. (Syafiyah Iqlima binti Mohd Nadzri, 2020). Kes perceraian di Malaysia merekodkan peningkatan yang luar biasa sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. (*Sinar Harian*, 2020).

Menurut Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Mas Ermeyati Samsudin, bagi pasangan Islam setiap hari terdapat 121 kes perceraian berlaku, manakala bukan Islam pula 18 kes sehari. Menurut beliau lagi dari sudut statistik sebanyak 66,440 kes permohonan cerai difailkan di mahkamah syariah seluruh negara bermula awal pandemik covid-19 iaitu Mac 2020 sehingga Ogos 2021. Selangor mencatatkan daftar kes permohonan cerai tertinggi iaitu sebanyak 12,479 kes, diikuti Johor 7,558 kes serta Kedah 5,985 kes. Selain itu, Kelantan juga merupakan antara negeri tertinggi permohonan cerai iaitu 5,982 kes, diikuti Perak 5,921 kes, Terengganu 5,098, Pahang 5,058, Sabah 4,010, Wilayah Persekutuan 3,854 dan Negeri Sembilan 3,473. Selain itu sebanyak 2,978 kes perceraian difailkan di Pulau Pinang, diikuti Melaka 2,402, Perlis 1,081 dan Sarawak 561 kes. (*Harian Metro*, 2021).

Perceraian bukan merupakan isu yang baharu. Dari sudut sejarah misalnya kadar perceraian adalah tinggi khususnya dalam kalangan orang Melayu yang tinggal di Pantai Timur Semenanjung Malaysia seperti Kelantan dan Terengganu. (G.W. Jones, 1981). Menurut Abd. Hadi Zakaria terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan berlaku perceraian dalam kalangan pasangan Islam di jajahan Kota Bharu, Kelantan. Menurut beliau lima faktor utama dianggap sebagai punca konflik iaitu latarbelakang pasangan yang tidak jelas, nafkah dan tanggungjawab suami, penyelewengan dalam poligami, cemburu dan kekurangan pengetahuan agama. Menurut beliau lagi faktor pencetus pula seperti suami tidak pulang ke rumah tanpa memberi nafkah, pertengkaran dan kekerasan fizikal, desakan keluarga dan kemungkinan faktor lain iaitu sikap tidak mahu bertolak ansur dalam kalangan pihak yang terlibat dan ketiadaan anak. (Abd. Hadi Zakaria, 1985). Kadar perceraian yang tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu pada masa itu telah menarik perhatian pelbagai pihak. Namun, kajian mengenai perkahwinan dan perceraian masih sangat kurang dilakukan oleh para sejarawan (Roslelawati Abdullah dan Nordin Hussin, 2014). Menyedari akan hal ini pengkaji mengambil inisiatif mengenhakkan kajian sejarah sosial berkaitan isu tuntutan perceraian dalam kalangan wanita Melayu Terengganu pada 1963 sehingga 1978.

METODOLOGI

Artikel ini berdasarkan analisis ke atas laporan *Pejabat Kadhi Besut* yang diperolehi di Arkib Negara Malaysia Cawangan Terengganu. Terdapat sebanyak 26 tajuk yang dipilih secara rawak meliputi tempoh masa sembilan tahun iaitu pada tahun 1963 sehingga 1964 dan 1972 sehingga 1978.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Pihak yang mendakwa (isteri) membuat laporan kepada Kadhi Besut kerana ditinggalkan oleh pihak yang didakwa (suami) pada tempoh masa tertentu dalam usaha menentukan status perkahwinan mereka yang diibaratkan digantung tidak bertali. Pengkaji mencerakinkan perbincangan kepada latarbelakang seperti tempat asal, umur, tempoh masa ditinggalkan, status perkahwinan dan keluarga serta pekerjaan. Selain itu faktor tuntutan perceraian pihak yang mendakwa (isteri) turut dibincangkan. Artikel ini juga turut memperkatakan mengenai kekangan atau halangan dalam mencapai penyelesaian mengenai isu tuntutan yang melibatkan perceraian dan tuntutan nafkah.

Tempat Asal

Pihak yang mendakwa (isteri) berasal dari pelbagai kawasan di Besut. Sementara pihak yang kena dakwa (suami) berasal dari pelbagai daerah di Terengganu. Selain itu terdapat dalam kalangan mereka yang berasal dari luar Terengganu seperti Kelantan seramai sembilan (9 orang), dan masing-masing seorang dari Pahang, Johor dan Kuala Lumpur. Sila lihat jadual 1 seperti berikut;

Jadual 1: Tempat Asal Yang Mendakwa (Isteri) Dan Yang Kena Dakwa (Suami)

No. Fail	Tempat Asal Isteri	Tempat Asal Suami
14/63	Kampung Baharu Penarik Setiu Besut	Kampung Buloh Setiu
31/63	-	Kampung Bukit Chatok
33/63	Kampung Ayer Terjun, Bukit Puteri, Besut	Kampung Jabi, Besut
42/63	Jabi Besut	Kampung Tengku Ulu Paka
7/64	Kampung Jabi Besut	Kampung Jabi Besut- tempat baharu Kampung Banggol Setiu
11/64	Kampung Gong Ubi Keling Besut	Kampung Gong Dato' Pasir Puteh, Kelantan
21/64	Kampung Gong Penaga Jabi, Besut	Kampung Gaung Jajahan Kota Bharu
23/72	-	408, Bukit Goh Kuantan
8/73	Balik Bukit Jerteh, Besut	Kampung Janga Besar, Dungun
28/73	Kampung Kuala Setiu, Mukim Guntong, Besut	Kampung. Jambu Bongkok, Dungun
7/74	Kampung Lubok Kawah, Batu 2, Jalan Pasir Akar, Jerteh, Besut, Terengganu	Kampung Beladau, Padang Kolam, Kuala Terengganu
31/74	Kampung Kedai Jabi Besut	122 Jalan Hilir Mersing, Johor
8/75	92-C, Jalan Kg Raja, Chabang Tiga, Jerteh, Besut	Kampong Kemasin, Bachok, Kelantan
31/75	Jalan Pasir Akar, Kampung Cherang Meliling, Jerteh, Besut	d/a Polis Daerah, Dungun, Terengganu
36/75	Kampung Gong Nangka, Bukit Kenak, Besut, Terengganu	Pasir Puteh
29/76	Kampung Gong Bayor, Tembila, Besut	d/a Pak Mat (Encik Mohamad), Dalam Belok, Sungai Gawi, Ulu Terengganu
4/77	Kampung Gong Kepas, Kampung Raja, Besut	d/a Penjara Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
9/77	Seberang Barat, Kuala Besut	Kampung Pantai Baharu Bachok, Kelantan
52/77	Jalan Pasir Akar, Kg. Gong Nangka, Jerteh, Terengganu	Kampung Gong Gunchil, Semerak, Pasir Puteh, Kelantan
59/77	Kampung Telok Budu, Kuala Besut	Kampung Pulau Ribu, Gong Nering, Jerteh, Besut
5/78	No.28 Kampung Rahmat Chalok, Besut	Kampung Kubang Itek Tunjong, Kota Bharu, Kelantan
8/78	Kampung Seberang Kastam Besut	Kampung Oh, Jabi, Besut, Terengganu
18/78	Kampung Pak Wong, Besut Terengganu	Kampung Pengkalan Buluh, Besut Terengganu
34/78	Kampung Gong Penaga, Bt. Petri, Besut, Terengganu	Penjara Pudu, Kuala Lumpur
37/78	Kampung Rahmat Chalok, Besut	Manik Urai, Kuala Krai, Kelantan
43/78	Kampung Lapan Kejur, Pasir Akar, Besut	Kelantan & Raw Malaysia, Sandakan Camp, Sandakan Sabah

Umur

Umur wanita lebih muda daripada lelaki kecuali dua orang yang berusia 46 tahun dan 30 tahun. Sementara pasangannya pula masing-masing berusia 32 dan 24 tahun. Sila lihat jadual 2;

Jadual 2: Umur Yang Mendakwa (Isteri) Dan Yang Kena Dakwa (Suami)

No. Fail	Umur Yang Mendakwa (Isteri)	Umur Yang Kena Dakwa (Suami)
33/63	18 tahun	20 tahun
8/73	38	42
28/73	21	25
31/74	30	24
8/75	22	24
31/75	23	35
29/76	20	24
4/77	23	27
9/77	17	26
52/77	37	40
59/77	46	32
5/78	21	28
8/78	17	29
18/78	22	33
34/78	20	31
43/78	24	34

Jadual 2 menunjukkan usia paling muda bagi wanita ialah 17 tahun (2 orang) dan 18 tahun (1 orang). Mereka yang berusia 20 hingga 23 tahun seramai 8 orang dan seorang berusia 24 tahun. Masing-masing seorang berusia 30, 37 dan 46 tahun. Usia bagi lelaki pula 20 tahun (1 orang), 24 tahun (3 orang) dan masing-masing seorang berusia 25 tahun sehingga 29 tahun yang semuanya berjumlah lima orang. Ini bermakna usia perkahwinan bagi lelaki ialah antara 20 hingga 29 tahun. Mereka yang berusia 31 sehingga 35 tahun seramai lima orang dan masing-masing seorang berusia 40 dan 42 tahun.

Tempoh Masa Ditinggalkan

Pihak yang mendakwa (isteri) membuat laporan ke pejabat kadi kerana ditinggalkan oleh yang kena dakwa (suami) selama empat bulan atau lebih. Berdasarkan analisis ke atas laporan tersebut menunjukkan tempoh paling singkat ditinggalkan suami ialah selama empat bulan dan paling lama ialah enam tahun. Sila lihat jadual 3 seperti berikut;

Jadual 3: Tempoh Masa Ditinggalkan

No. Fail	Tempoh Masa Ditinggalkan
14/63	Lebih 7 bulan
33/63	4 bulan 22 hari
7/64	4 bulan 16 hari
21/64	4 bulan 16 hari
8/73	4 bulan 2 hari
28/73	6 bulan 20 hari
7/74	4 bulan
31/74	7 bulan 6 hari
8/75	17 bulan 22 hari
31/75	7 bulan
29/76	7 bulan
4/77	3 tahun
9/77	5 bulan 15 hari
52/77	14 bulan
59/77	5 bulan
5/78	1 tahun 2 bulan 14 hari
8/78	7 bulan
18/78	1 tahun 14 hari
34/78	Lebih 4 bulan
37/78	6 tahun
43/78	3 tahun 5 bulan 19 hari

Jadual 3 menunjukkan seramai enam orang wanita membuat laporan ke pejabat kadi kerana ditinggalkan oleh suami dalam tempoh empat bulan dan lebih. Seramai dua orang ditinggalkan untuk tempoh lebih lima bulan dan seorang untuk tempoh enam bulan serta seramai lima orang untuk tempoh tujuh bulan dan lebih. Ini menunjukkan ada kesedaran dalam kalangan wanita untuk menentukan status mereka dan membuat tuntutan berkaitan nafkah zahir dan batin. Sementara itu, seramai empat orang tinggal berasingan dengan pasangan antara 12 sehingga 17 bulan. Selain itu, seramai dua orang tidak tinggal bersama selama tiga tahun dan lebih serta seorang tinggal berasingan selama enam tahun.

Status Perkahwinan dan Keluarga

Analisis ke atas laporan pihak yang mendakwa menunjukkan kebahagiaan alam rumah tangga tidak berpanjangan. Harapkan panas hingga ke petang rupanya hujan di tengah hari. Tempoh masa perkahwinan paling lama ialah sembilan tahun dan paling singkat selama sehari. Sila lihat jadual 4 seperti berikut;

Jadual 4: Status Perkahwinan dan Keluarga

No. Fail	Tarikh Berkahwin	Tarikh Ditinggalkan	Tempoh Masa Perkahwinan (anggaran)
8/73	23/6/63	15/10/72	9 tahun
28/73	22/12/72	22/1/73	1 bulan
7/74	10/11/70	2/10/73	3 tahun
31/74	10/12/73	10/2/74	2 bulan
8/75	10/6/72	18/9/73	1 tahun
31/75	9/74	2/3/75	6 bulan
36/75	7/9/74	23/11/74	2 bulan
29/76	28/8/71	Jan 76	4 tahun
4/77	26/12/68	Pertengahan 74	5 tahun 6 bulan
9/77	26/3/75	12/9/76	1 tahun 6 bulan
52/77	7/6/75	Julai 76	1 tahun
59/77	30/6/74	Jun 77	3 tahun
5/78	3/11/76	4/11/76	1 hari
8/78	20/2/77	10/7/77	5 bulan
18/78	13/8/70	12/4/77	6 tahun 8 bulan
34/78	7/11/75	15/1/78	3 tahun
37/78	17/2/72	Pertengahan Julai 72	5 bulan
43/78	18/1/69	19/2/75	6 tahun

Berdasarkan jadual 4, usia perkahwinan pada julat 1-6 bulan berjumlah enam, 1-3 tahun berjumlah enam, 4-6 tahun berjumlah empat. Ini menunjukkan perceraian berlaku pada usia perkahwinan yang baharu.

Pekerjaan Pihak Yang Kena Dakwa (Suami)

Maklumat pekerjaan pihak yang kena dakwa (suami) tidak banyak diperolehi. Seramai tujuh orang yang diketahui pekerjaan. Sila lihat jadual 5.

Jadual 5: Pekerjaan Pihak Yang Kena Dakwa (Suami)

No. Fail	Pekerjaan Suami
31/63	Menjual tembakau
42/63	Bertanam getah
7/64	Kebun Getah China
31/75	Polis Marine
36/75	Guru
29/76	Sub Kontraktor
43/78	Askar

Jadual 5 menunjukkan seramai dua orang bekerja menanam getah kepunyaan saudara dan pemilik berbangsa China serta seorang menjual tembakau. Terdapat tiga orang yang bekerja di jabatan kerajaan sebagai guru, polis dan askar. Sementara seorang bekerja sebagai sub kontraktor. Pihak yang mendakwa (isteri) tidak terdapat maklumat mengenai latarbelakang pekerjaan mereka.

Faktor Tuntutan Perceraian Pihak Yang Mendakwa (Isteri)

Terdapat pelbagai faktor yang mencetuskan perceraian antaranya pengabaian nafkah dan tanggungjawab, poligami dan menghilangkan diri.

a- Pengabaian nafkah dan tanggungjawab

Seorang wanita Melayu berumur 18 tahun, berasal dari Kampung Ayer Terjun, Bukit Puteri, Besut telah berkahwin dengan lelaki Melayu berumur 20 tahun berasal dari Kampung Jabi, Besut pada 9hb Ogos 1962 secara sah pada syara' di hadapan Iman Haji Abdul Hamid di Seberang Jerneh Besut. Selepas berkahwin yang kena dakwa (suami) telah berta'lek kepada yang mendakwa (isteri) dengan berkata;

"tiap2 kali saya tiada sekedudukan dengan isteri saya yang tersebot, itu bagi selama tempoh 4 bulan dengan tidak putus2 sama ada saya meninggal akan dia atau dia meninggal akan saya dengan akhtiar atau dengan

terpaksa dan tetekala mengadu ia kepada Kadzi dan tetekala sabit pada sisinya di atas ketiadaan sekedudukan selama itu maka tertalak lah isteri saya itu dengan satu talak.” (Pejabat Kadhi Besut, 33/63)

Menurut laporan Pejabat Kadhi Besut, yang kena dakwa tidak tinggal bersama pasangannya dan meninggalkan kediaman isteri beliau selama empat bulan 22 hari. Pihak yang mendakwa telah mengadu ke Pejabat Kadhi Besut untuk membuat keputusan berhubung ta'lek tersebut dan statusnya sebagai seorang isteri.

Selain itu terdapat beberapa orang wanita telah membuat tuntutan yang sama ke Pejabat Kadhi Besut kerana ditinggalkan oleh suami untuk tempoh melebihi empat bulan. Menurut seorang wanita yang berasal dari Kampung Baharu Penarik Setiu Besut menyatakan suaminya yang berasal dari Kampung Buloh Setiu telah tinggal berasingan dengannya tanpa memberi nafkah perbelanjaan seperti “makan pakai” sejak lebih tujuh bulan. (*Pejabat Kadhi Besut, 14/63*).

Hal yang sama berlaku kepada wanita yang berusia 20 tahun berasal dari Kampung Gong Bayor, Tembila, Besut. Beliau telah berkahwin dengan lelaki yang berusia 24 tahun berasal dari kampung Dalam Belok, Sungai Gawi, Ulu Terengganu. Menurut wanita tersebut suami beliau bekerja sebagai sub kontraktor dan meninggalkan beliau sejak hampir tujuh bulan tanpa memberi atau mengirimi apa-apa nafkah perbelanjaan. (*Pejabat Kadhi Besut, 29/76*).

Selain perbelanjaan berupa keperluan asas, terdapat kes tuntutan nafkah mengandung.

Seorang wanita yang berusia 23 tahun berasal dari Jalan Pasir Akar, Kampung Cherang Meliling, Jerneh, Besut telah membuat tuntutan kepada suami beliau yang bekerja sebagai anggota polis marine di Dungun, Terengganu. Menurut wanita yang sarat mengandung tujuh bulan tersebut mereka telah berkahwin pada September 1974 dan bercerai di Pejabat Kadhi Dungun pada 2 March 1975. Semasa bercerai beliau mengandung enam bulan. Menurut wanita tersebut lagi sejak bercerai pada 2 March 1975 sehingga April 1975 suami beliau tidak mengirimi atau memberi apa-apa nafkah perbelanjaan mengandung. Di dalam tuntutannya wanita tersebut meminta mahkamah agar mengarahkan pihak yang didakwa membayar nafkah kandungan anak sebanyak \$100 sebulan bagi tiap-tiap bulan. (*Pejabat Kadhi Besut, 31/75*).

Pengabaian nafkah dan tanggungjawab suami juga dapat diperhatikan dalam kes nafkah edah. Seorang wanita yang berasal dari Kampung Gong Nangka, Bukit Kenak, Besut, Terengganu telah berkahwin dengan pasangannya pada 7.9.1974. Namun, malangnya pada 23.11.1974 mereka telah bercerai. Dengan kata lain perkahwinan mereka hanya bertahan selama tiga bulan sahaja sebelum pihak yang didakwa telah melafazkan cerai dengan talak satu. Pihak yang mendakwa menuntut yang kena dakwa supaya membayar nafkah sebanyak \$60 sebulan atau kadar yang difikir patut serta munasabah oleh mahkamah. (*Pejabat Kadhi Besut, 36/75*).

Terdapat dalam kalangan lelaki yang mengabaikan tanggungjawab memberi nafkah kepada anak yang di bawah jagaan mantan isteri. Seorang wanita telah membuat tuntutan nafkah terhadap dua (2 orang) anak dengan kadar \$40 sebulan. Tuntutan tersebut dibuat berdasarkan fasal 118 (1) undang-undang 4/55. Selain itu, tuntutan tersebut dibuat kerana yang kena dakwa tidak menjelaskan bayaran baki tertunggak dari tarikh (10.6.1972 sehingga 5.6.1975) selama tiga tahun yang berjumlah \$711. Menurut wanita itu, beliau tidak berpuashati kerana mantan suaminya hanya memberi nafkah melalui kiriman pos berdaftar sebanyak \$20.00 sebulan sedangkan kedua-dua anak mereka telah bersekolah. Menurutnyanya lagi yang kena dakwa berkemampuan untuk memenuhi tuntutan yang dikemukakan kerana beliau “tidak termasuk dalam golongan orang susah.” (*Pejabat Kadhi Besut, 23/72*).

Sikap tidak bertanggungjawab suami dapat juga diperhatikan di dalam kes wanita berusia 46 tahun yang berasal dari Kampung Telok Budu, Kuala Besut. Beliau telah berkahwin dengan seorang lelaki berusia 32 tahun atau lebih muda 14 tahun daripadanya yang berasal dari Kampung Pulau Ribu, Gong Nering, Jerneh Besut. Perkahwinan mereka hanya bertahan selama tiga tahun selepas yang mendakwa membuat keputusan meninggalkan suaminya selama lima bulan akibat tidak tahan kerana selalu dipukul oleh suami beliau. Wanita berkenaan membuat permohonan perceraian Tuntutan Taklik Talak fasal 105 (1) undang-undang 4/55. (*Pejabat Kadhi Besut, 59/72*).

Selain mengalami penderaan fizikal terdapat dalam kalangan wanita yang tertekan emosi. Seorang wanita berusia 21 tahun yang berasal dari Kampung Rahmat Chalok, Besut telah berkahwin dengan lelaki berusia 28 tahun berasal dari Kampung Kubang Itek Tunjong, Kota Bharu, Kelantan. Perkahwinan berlangsung pada 3.11.1976 dan keesokan harinya 4.11.1976 yang kena dakwa telah meninggalkan kediaman yang mendakwa selama satu tahun dua bulan 14 hari. Wanita tersebut mengorbankan usia mudanya dengan mengahwini lelaki yang tidak bertanggungjawab dan lebih malang lagi beliau mengambil masa lebih setahun untuk membuat permohonan cerai. (*Pejabat Kadhi Besut, 5/78*).

Seorang wanita yang berasal dari Kampung Rahmat Chalok, Besut telah berkahwin pada 17.2.1972. Pasangan beliau berasal dari Manik Urai, Kuala Krai, Kelantan. Perkahwinan mereka bertahan selama lima bulan kerana ditinggalkan oleh suami beliau tanpa nafkah. Wanita tersebut mengambil masa selama enam tahun untuk membuat permohonan perceraian. (*Pejabat Kadhi Besut, 37/78*).

Selain itu seorang wanita yang berasal dari Kampung Lapan Kejur, Pasir Akar, Besut telah berkahwin pada 18.1.1969 ketika berusia 24 tahun. Pasangan beliau berusia 34 tahun berasal dari Kampung Melor, Kota Bharu, Kelantan. Sepanjang enam tahun perkahwinan beliau tinggal bersama bapa mertua di kampung tersebut. Ini kerana suami beliau yang bekerja sebagai askar bertugas di Kem Sandakan, Sabah. Beliau mengambil masa selama tiga tahun lima bulan 19 hari untuk membuat tuntutan perceraian. (*Pejabat Kadhi Besut, 43/78*).

b- Poligami

Seorang wanita yang berasal dari Kampung Baharu Penarik Setiu Besut menyatakan suaminya yang berasal dari Kampung Buloh Setiu telah tinggal berasingan dengannya tanpa memberi nafkah seperti keperluan makanan dan pakaian selama lebih tujuh bulan. Menurut wanita tersebut suami beliau mempunyai seorang isteri lagi di Kuala Terengganu. Kadhi Besut telah menulis surat kepada Kadhi Kuala Terengganu supaya memberi nasihat kepada suami wanita berkenaan dengan mengambil isteri beliau atau memberi nafkah makanan dan pakaian. Sekiranya yang kena dakwa tidak dapat memenuhi tuntutan tersebut maka beliau perlu menceraikan isterinya dengan baik supaya wanita tersebut tidak berterusan digantung tidak bertali. (*Pejabat Kadhi Besut, 14/63*)

Seorang lagi wanita turut mengalami hal yang sama yakni beliau juga turut dimadukan dan menjadi isteri kedua kepada seorang guru. Wanita yang berasal dari Kampung Gong Nangka, Bukit Kenak, Besut, Terengganu telah berkahwin dengan seorang

guru Sekolah Menengah Gaal, Pasir Puteh. Menurut wanita berkenaan suami beliau tinggal berasingan, tetapi berulang alik ke rumah beliau. Menurut wanita itu lagi setelah lebih kurang tiga bulan berstatus isteri, beliau dicerai dengan talak satu. Wanita tersebut menuntut nafkah sebanyak \$60 sebulan atau kadar yang difikir patut serta munasabah oleh mahkamah. Ini kerana menurut wanita berkenaan mantan suaminya berkemampuan dengan pendapatan bulanan sebanyak \$610. (*Pejabat Kadhi Besut, 36/75*)

Selain itu terdapat seorang wanita berkahwin dengan anggota polis marine. Wanita yang sedang mengandung tujuh bulan itu, juga dicerai oleh suaminya setelah tinggal bersama selama enam bulan sebagai pasangan suami isteri. Menurut wanita tersebut sejak bercerai hampir sebulan yang lalu mantan suami beliau tidak mengirim atau memberi apa-apa nafkah perbelanjaan mengandung. Beliau menuntut nafkah kandungan anak sebanyak \$100 sebulan bagi tiap-tiap bulan. Menurut wanita itu lagi dengan gaji yang didakwa sebanyak \$500 sebulan sudah tentu beliau mampu membayarnya. Namun begitu, lelaki tersebut memberi pelbagai alasan untuk mengelak daripada membayar kepada yang mendakwa. Menurut lelaki itu lagi beliau mempunyai pelbagai tanggungjawab. Menurut yang kena dakwa;

“...mempunyai seorang isteri dan seorang anak lelaki berumur 15 tahun masih bersekolah di Maktab Adabi Kuantan, tinggal di asrama dan dikehendaki membayar yuran sekolah sebanyak \$16/= ringgit, wang asrama \$66-60C, wang kocek \$37-40C tiap2 bulan. Gaji baki \$225, bayar hutang TV, sebanyak \$40 tiap2 bulan, baki gaji \$185, belanja wang rokok n belanja dapur rumah. Janji bayar \$15 tiap2 bulan sehingga melahir n menambah \$5.00 tiap2 bulan sekiranya beliau memelihara anaknya, jika tidak mahu maka saya akan ambil n pelihara.” (*Pejabat Kadhi Besut, 31/75*).

Menurut yang kena dakwa gaji beliau berjumlah \$330 sebulan dan bukan \$500 sebagaimana yang dinyatakan oleh yang mendakwa. Alasan tersebut menggambarkan yang lelaki tersebut cuba lari dari tanggungjawab memberi nafkah kepada isteri dan anak yang bakal lahir. Sekiranya tidak mampu beliau sepatutnya berfikir dua kali untuk mengamalkan poligami.

c- Menghilangkan diri

Suami menghilangkan diri untuk tempoh melebihi empat bulan salah satu faktor yang menyebabkan isteri membuat laporan kepada pihak kadi. Terdapat suami yang menghilangkan diri tanpa dapat dikesan dan ada juga dapat dikesan dengan maklumat daripada pihak ketiga misalnya keluarga suami, jiran, majikan atau pihak penguatkuasa undang-undang seperti pejabat agama atau polis.

i- Tidak dapat dikesan

Berstatus pasangan suami isteri selama tiga tahun namun isteri tidak mengetahui di mana keberadaan suaminya. Hal ini berlaku kerana yang didakwa keluar rumah tanpa memberitahu isterinya dan dalam tempoh empat bulan isteri beliau tidak menerima perkhabaran. Wanita yang berasal dari Kampung Lubok Kawah, Batu 2, Jalan Pasir Akar, Jerneh, Besut, Terengganu telah melaporkan kepada Kadhi Besut. (*Pejabat Kadhi Besut, 7/74*).

Sikap tidak bertanggungjawab suami dapat diperhatikan di dalam kes seorang wanita berusia 22 tahun yang beralamat di no. 92-C, Jalan Kampung Raja, Chabang Tiga, Jerneh, Besut. Perkahwinan beliau dengan lelaki yang berasal dari kampung Kemasin Bachok Kelantan hanya bertahan lebih kurang setahun tiga bulan. Beliau hanya membuat laporan ke Pejabat Kadhi Besut setelah suaminya meninggalkan beliau selama 17 bulan 22 hari. Ini bermakna tempoh menunggu kepulangan suami lebih lama daripada tempoh tinggal bersama sebagai pasangan suami isteri. Lebih malang lagi dalam tempoh tersebut beliau tidak mengetahui ke mana suami beliau pergi atau tidak dapat dikesan. (*Pejabat Kadhi Besut, 8/75*).

Selain itu seorang wanita berusia 37 tahun yang berasal dari Jalan Pasir Akar, Kampung Gong Nangka, Jerneh, Terengganu membuat tuntutan taklik talak kepada suaminya. Menurut wanita tersebut mereka tidak tinggal bersama sebagai suami isteri selama 14 bulan. Dalam tempoh tersebut beliau tidak mengetahui tempat tinggal suami, namun menurut ibu mertua beliau suaminya pergi mencari pekerjaan. Menurut wanita itu lagi, suaminya berusia 40 tahun, berasal dari Kampung Gong Gunchil, Semerak, Pasir Puteh, Kelantan. Mereka berkahwin pada 7.6.1975 dan mulai Julai 1976 mereka tidak lagi tinggal bersama. Ini bermakna perkahwinan mereka hanya bertahan lebih kurang 13 bulan. (*Pejabat Kadhi Besut, 52/77*).

ii- Dapat Dikesan

Pada 12 April 1977, seorang wanita yang berasal dari Besut telah dimaklumkan suami beliau hilang di laut Pulau Pinang. Pasangan tersebut menjalani kehidupan berumah tangga lebih kurang selama tujuh tahun. Setelah menunggu perkhabaran berita mengenai suaminya beliau mengambil masa selama setahun 14 hari untuk melaporkan kepada Kadhi Besut mengenai status perkahwinan mereka. (*Pejabat Kadhi Besut, 18/78*).

Mencari pekerjaan di tempat baharu merupakan salah satu faktor pasangan yang baharu berkahwin lebih kurang dua bulan ini, tidak tinggal bersama. Menurut wanita yang berusia 30 tahun dan berasal dari Kampung Kedai Jabi Besut beliau membuat tuntutan berpisah kerana pasangannya telah meninggalkan beliau selama tujuh bulan enam hari. Menurutnyanya lagi pasangannya yang berusia 24 tahun tersebut hendak bekerja di Mersing. (*Pejabat Kadhi Besut, 31/74*).

Selain itu keretakan rumahtangga dikesan kerana pihak yang kena dakwa menjalani hukuman penjara. Menurut wanita berusia 23 yang berasal dari Kampung Gong Kepas, Kampung Raja, Besut suami beliau menjalani hukuman penjara selama enam tahun di Penjara Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. Setelah tiga tahun tidak menerima nafkah daripada suaminya yang berusia 27 tahun beliau mengambil keputusan memohon perceraian. Beliau tidak sanggup lagi menunggu suaminya yang sedang menjalani hukuman penjara selama enam tahun. (*Pejabat Kadhi Besut, 4/77*).

Seorang wanita berusia 20 tahun, telah meninggalkan suaminya yang menjalani hukuman penjara di penjara Pudu, Kuala Lumpur. Wanita tersebut mengambil keputusan meninggalkan suaminya dan kembali tinggal bersama ibunya di Kampung Gong Penaga, Bt. Petri, Besut, Terengganu. Beliau berbuat demikian kerana lebih empat bulan tidak menerima nafkah daripada suaminya yang berusia 31 yang menjalani hukuman penjara dan kemudiannya sebagai orang buangan di Kuala Selangor. (*Pejabat Kadhi Besut 34/78*)

Kekangan atau penyelesaian

Terdapat pelbagai kekangan atau halangan dalam mencapai penyelesaian mengenai isu tuntutan yang melibatkan perceraian dan tuntutan nafkah. Pertama, saman tidak dapat disampaikan kerana yang kena dakwa tidak diketahui keberadaannya atau diketahui tetapi berada di luar Terengganu.

Seorang wanita telah melaporkan ke pihak Kadhi Besut untuk mengambil tindakan sewajarnya kepada suami beliau. Namun, hasrat tersebut gagal direalisasikan kerana pihak yang kena dakwa berada di luar Terengganu. Lantaran itu Kadhi Besut menghubungi Kadhi Dungun "supaya memberi nasihat kepada suami wanita berkenaan dengan mengambil isteri beliau atau mengirim nafkah makan pakai. Sekiranya tidak dapat maka perlu menceraikan isterinya dengan baik supaya wanita tersebut tidak digantung dengan tidak bertali." (Pejabat Kadhi Besut, 14/63). Proses tersebut memakan masa dan perbelanjaan kerana melalui maklumat yang diperolehi dari pejabat Kadhi Dungun pihak yang kena dakwa berada di Temerloh, Pahang.

Isu perbelanjaan dibangkitkan di dalam report saman pejabat Kadhi Dungun bertarikh 26 Disember 1963 yang menyatakan, "Report penghantaran saman..... 24/12/63 ke kampung Tengku Ulu Paka, tidak dapat berjumpa. Tiada-Penjaga beliau ke kampong Nyeor Paka. Surat saman diserahkan kepada Che Zainuddin bin Ahmad. Wang \$3 tidak mencukupi, minta dihantarkan tambah \$2." (Pejabat Kadhi Besut, 42/63). Wang tunai \$3.00 merupakan belanja hantar saman dan dijelaskan oleh pihak yang mendakwa. (Pejabat Kadhi Besut, 14/63).

Pihak yang kena dakwa (suami), mengemukakan pelbagai alasan untuk tidak memenuhi tuntutan nafkah pihak yang mendakwa. Mereka menyatakan mempunyai pelbagai tanggungan dan tidak mampu memenuhi tuntutan yang dikemukakan oleh pihak yang mendakwa. Ini dapat diperhatikan dalam kes perkahwinan poligami (Pejabat Kadhi Besut, 31/75; Pejabat Kadhi Besut, 36/75) dan pasangan yang masih menjalani hukuman penjara (Pejabat Kadhi Besut, 4/77; Pejabat Kadhi Besut, 34/78). Justeru itu, pihak berkuasa agama berperanan mengarahkan majikan yang kena dakwa mengambil tindakan seperti petikan berikut, "Guru Besar Sekolah Menengah Gaal Pasir Putih membayar bayaran bulanan yang diputuskan oleh mahkamah iaitu daripada pendapatan tenaga yang kena tuntutan di bawah Akta 8, tahun 1968. 36/75, Tuntutan Nafkah Edah fasal 117 (2) undang-undang 4/55." (Pejabat Kadhi Besut, 36/75)

KESIMPULAN

Isu perceraian sewajarnya diberi perhatian kritikal oleh semua pemegang taruh samada kerajaan mahupun NGO. Kerajaan Malaysia sewajarnya menubuhkan sebuah jawatankuasa khas seperti mana jawatankuasa khas Hak Asasi Manusia dan Kesetaraan Gender. Selain itu, setiap inisiatif yang dijalankan sepatutnya memfokuskan ke arah penyelesaian masalah utama perceraian. Di Terengganu kewujudan laporan Pejabat Kadhi Besut membuktikan pihak Jabatan Agama Islam telah berusaha menangani masalah perceraian yang melibatkan wanita Melayu Islam di Terengganu pada pasca merdeka. Namun begitu, kajian mengenai masyarakat Terengganu pada pasca merdeka dan sehingga kini perlu diberi perhatian khasnya yang berkaitan dengan masalah sosial dalam kalangan wanita. Dapatan kajian menunjukkan selain masalah perceraian terdapat juga dalam kalangan wanita yang menjadi pelacur untuk menyara kehidupan. Selain itu mereka juga ada yang terlibat dalam kes khalwat dan bersekedudukan. Jelasnya perceraian meninggalkan kesan yang mendalam ke atas wanita lebih-lebih lagi jika mereka tidak mempunyai pendapatan tetap untuk menyara anak dan ibu bapa yang telah tua. Mereka mudah terjerumus ke dalam pelbagai masalah sosial.

PENAKUAN

Artikel ini karya asal pengkaji dan belum pernah diterbitkan

RUJUKAN

Abd. Hadi Zakaria. (1985). Tinjauan Ringkas Tentang Faktor-Faktor Perceraian Di Kalangan Pasangan-Pasangan Islam Di Dalam Jajahan Kota Bharu, Kelantan. Dlm. Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusuf (pnyt.). *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya: Satu Kumpulan Esei*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu.

Harian Metro. (2021, Oktober 12). Lima Pasangan Islam Mohon Cerai Dalam Satu Jam.

Jones, G.W. (1981). Trends in Marriage and Divorce. Dlm. Manjit S. Sidhu and Gavin W. Jones (pnyt.). *Population Dynamics in a Plural Society: Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: UMCB Publications.

Noor Syaibah Shabuddin, Norazilah Johari, Norhasima Abdullah dan Syazwana Aziz. (2016). Perceraian dalam Kalangan Pasangan Dewasa Pertengahan di Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL): Eksplorasi Faktor. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences 1 (1)*, 36-52.

Pejabat Kadhi Besut. (14/63). Pengaduan Taklik Talak di Bawah Fasal 105 (1) Undang- Undang 4/55.

Pejabat Kadhi Besut. (31/63). Pengaduan Taklik Di Bawah Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.

Pejabat Kadhi Besut. (33/63). Pengaduan Taklik Talak Di Bawah Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.

Pejabat Kadhi Besut. (42/63). Pengaduan Taklik Di Bawah Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.

Pejabat Kadhi Besut. (7/64). Pengaduan Taklik Fasal 105 (1) Undang-undang 4/55.

Pejabat Kadhi Besut. (11/64). Pengaduan Taklik Fasal 105 (1) Undang-undang 4/55.

Pejabat Kadhi Besut. (21/64). Pengaduan Taklik Fasal 105 (1) Undang-undang 4/55.

Pejabat Kadhi Besut. (23/72). Tuntutan Nafkah 2 Orang Anak \$40/- Sebulan, Fasal 118 (1) Undang-Undang 4/55.

Pejabat Kadhi Besut. (8/73). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.

Pejabat Kadhi Besut. (28/73). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.

- Pejabat Kadhi Besut.* (7/74). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.
Pejabat Kadhi Besut. (31/74). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.
Pejabat Kadhi Besut. (8/75). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.
Pejabat Kadhi Besut. (31/75). Tuntutan Nafkah Mengandong Fasal 117 (2) Undang-Undang 4/55.
Pejabat Kadhi Besut. (36/75). Tuntutan Nafkah Edah Fasal 117 (2) Undang-Undang 4/55.
Pejabat Kadhi Besut. (29/76). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.
Pejabat Kadhi Besut. (4/77). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.
Pejabat Kadhi Besut. (9/77). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.
Pejabat Kadhi Besut. (52/77). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.
Pejabat Kadhi Besut. (59/77). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.
Pejabat Kadhi Besut. (5/78). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.
Pejabat Kadhi Besut. (8/78). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.
Pejabat Kadhi Besut. (18/78). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.
Pejabat Kadhi Besut. (34/78). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.
Pejabat Kadhi Besut. (37/78). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.
Pejabat Kadhi Besut. (43/78). Tuntutan Taklik Talak Fasal 105 (1) Undang-Undang 4/55.

Roslelawati Abdullah dan Nordin Hussin. (2014). Perkahwinan dan Perceraian Masyarakat Melayu Terengganu 1950an-1970an. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies* 32(1).

Shafiyah Iqlima Mohd Nadzri. (2020, Januari 24). Polemik Perceraian di Malaysia. *Perspektif*, 15/2020, Terengganu: Jabatan Kajian Politik Nasional & Antarabangsa, Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS).

Sinar Harian. (2020, Disember 29). Kes Perceraian di Malaysia Rekodkan Peningkatan Luar Biasa.